

KEPENTINGAN STAF DINILAI MELALUI LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)



KENAPA STAF PERLU DINILAI ?

- 1** Mengukur prestasi dan mempertingkatkan produktiviti staf ke arah pencapaian objektif organisasi
- 2** Arahan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2011 bertajuk Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Di Bawah Saraan Baru Perkhidmatan Awam
- 3** Arahan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 03 Tahun 2013 bertajuk Tindakan Terhadap Staf Yang Tidak Melaksanakan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)
- 4** Proses penilaian prestasi perlu dilaksanakan secara teratur, objektif, adil dan telus.

TINDAKAN YANG PERLU DILAKUKAN STAF

- 1** Memastikan prestasi anda dinilai melalui proses Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) **setiap akhir tahun**
- 2** Staf yang belum selesai penilaian prestasi tahun sebelumnya perlu melengkapkan penilaian **sebelum** 30 April tahun berikutnya
- 3** Staf yang baru melapor diri **selepas 1 Julai** perlu mengisi SKT dalam tempoh satu **(1) bulan dari tarikh lapor diri** dan melengkapkan LNPT **selepas enam (6) bulan berkhidmat dari tarikh lapor diri** mengikut pemakluman jadual urusetia
- 4** Sekiranya terdapat isu-isu berkaitan, staf perlu berhubung dengan pihak pentadbiran / moderator prestasi di PTJ masing-masing.

IMPLIKASI KEPADA STAF YANG TIDAK MELAKUKAN LNPT

- 1** Tidak akan dipertimbangkan untuk **Pergerakan Gaji Tahunan (PGT)**
- 2** Tidak layak untuk mendapat apa-apa kemudahan, imbuhan dan faedah berkaitan pengurusan dan pembangunan sumber manusia seperti kenaikan pangkat, pemberian biasiswa, anugerah perkhidmatan cemerlang (APC) dan sebagainya
- 3** Staf yang tidak melaksanakan LNPT dua (2) tahun berturut atau tidak tanpa alasan yang munasabah, boleh dikenakan Tindakan Tatatertib.

Peringatan

Jawatankuasa Pencalonan dan Saraan (NRC) ke-5 Bil. 2/2024 bertarikh 21 Februari 2024 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 195 bertarikh 1 Mac 2024 telah berkeputusan :-

- Semua permohonan kemasukan markah melangkau tahun adalah tidak dibenarkan
- Proses semakan markah adalah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh pemakluman markah pretasi dikeluarkan